

PERUTUSAN PENGERUSI

YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

UNTUK MESYUARAT TUJUAN-TUJUAN AM

BIL 3/2020 PADA 15 JULAI 2020

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- i. Pertama, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dan bertemu pada pagi yang mulia ini, bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-tujuan Am pada kali ke 3 bagi tahun 2020.
- ii. Saya berharap mesyuarat ini dimanfaatkan sebaiknya bagi platform perbincangan antara Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian dan juga Ahli-ahli Majlis untuk kelancaran pentadbiran Majlis Perbandaran Taiping.
- iii. YBhg Dato' / Tuan / Puan, saya ingin menarik perhatian ke atas beberapa perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

1.0 PEMAKAIAN APLIKASI MYSEJAHTERA

Sebagaimana YBhg Dato' / Tuan / Puan sedia maklum, YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan semasa pertemuan bersama Menteri Kesihatan Malaysia di Negeri Perak pada 2 Jun 2020 telah bersetuju ke atas pemakaian aplikasi MySejahtera oleh semua warga pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

Sehubungan dengan itu, sebagaimana surat edaran yang telah diedarkan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak kepada semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan sebelum ini, saya menyeru semua Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian memastikan pemakaian aplikasi MySejahtera diwajibkan ke atas setiap kakitangan dan anggota MPT untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri, selain membantu pihak KKM untuk mendapat maklumat awal bagi mengambil tindakan yang cepat dan berkesan.

Saya berharap semua ahli mesyuarat pada hari ini telahpun memuat turun aplikasi MySejahtera di dalam telefon pintar masing-masing, dan telah membuat pendaftaran, seterusnya melengkapkan deklarası kesihatan di dalam aplikasi tersebut dan menggunakan aplikasi ini dalam merekod pergerakan seharian ke setiap destinasi yang dituju.

2.0. PELAKSANAAN BANCII PENDUDUK DAN PERUMAHAN 2020 DI NEGERI PERAK

Pada tahun 2020 ini, Banci Penduduk dan Perumahan akan dilaksanakan di Malaysia. Banci ini adalah merupakan banci ke-6 yang dilaksanakan pada setiap 10 tahun semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Banci 2020 adalah merupakan projek mega nasional yang akan memberikan impak yang tinggi kepada negara, terutamanya bagi memastikan kelancaran perancangan pembangunan negara termasuk pengagihan per kapita seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara, melalui rujukan ke atas data banci tersebut.

Mengambil kira isu pandemic COVID-19, saya difahamkan bahawa Banci 2020 akan dijalankan melalui pendekatan baharu, iaitu melibatkan kaedah pembancian ke atas talian (e-census) dan telefon, selain kaedah temubual secara bersemuka dan lawatan secara menyeluruh dari rumah ke rumah. Saya berharap semua pihak dapat memberikan kerjasama yang diperlukan selaku Penjawat Awam dan rakyat Malaysia bagi menjayakan Banci 2020 ini.

3.0 TOWNHALL MEETING: PEMULIHARAAN DAN NAIKTARAF PASAR BESAR TAIPING

Dalam usaha mendengar suara dan permintaan wargakota Taiping, satu sesi Townhall Meeting: Pemuliharaan dan Naiktaraf Pasar Besar Taiping telah dilaksanakan pada 13 Julai 2020 sebagai usaha mendengar masalah peniaga-peniaga selain menerima pandangan umum mengenai rekabentuk Pasar Besar Taiping yang akan dinaiktaraf pada tahun ini.

Program yang berlangsung di Dewan MPT ini adalah salah satu usaha meningkatkan penglibatan komuniti di dalam projek pemuliharaan dan naiktaraf Pasar Besar Taiping. Wakil dari Jabatan Warisan Negara (JWN) dan Perunding Arkitek juga turut hadir bagi menyampaikan taklimat kepada peniaga-peniaga pasar.

Terdahulu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperuntukan RM9 juta untuk menaiktaraf Pasar Besar Taiping yang juga menjadi pasar tertua di negara ini. Dua bangunan dinaiktaraf iaitu pasar basah dan pasar kering bagi memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung. Pasar yang wujud sejak 1880 itu akan dinaiktaraf dengan mempunyai 212 lot perniagaan.